



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**POSTING FACEBOOK OLEH PEMILIK AKAUN LUKMAN SHERIF BERKENAAN
STATUS AMICUS CURIAE DALAM KES MAHKAMAH PERSEKUTUAN YANG
TIDAK TEPAT DAN MENGELIRUKAN**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) merujuk kepada posting oleh pemilik akaun facebook Lukman Sherif:

“Setakat hari ini, sisters in Islam berjaya mendapat status amicus curiae di mana mereka jika diizinkan oleh mahkamah boleh beri pandangan dan berhujah. Manakala persatuan peguam muslim malaysia (PPMM) dan Badan peguam Sharie Wilayah persekutuan tidak dapat menjadi amicus dan sekadar peguam pemerhati. Maknanya tiada peluang berhujah. Status permohonan badan lain belum ditentukan lagi setahu saya. Kita tunggu dan lihat.”

Pejabat ini ingin menjelaskan bahawa posting tersebut adalah **tidak tepat dan cuba mengelirukan orang awam**. Berdasarkan rekod untuk kes Nik Elin Zurina Binti Nik Abdul Rashid & 1 lagi v Kerajaan Negeri Kelantan, selain Sisters in Islam, terdapat dua (2) lagi pihak iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah dibenarkan untuk menjadi amicus curiae.

Manakala Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Badan Peguam Syarie Wilayah Persekutuan, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis serta Badan Peguam Malaysia dibenarkan menjadi *watching brief* dalam prosiding tersebut.

Sisters in Islam telah membuat permohonan untuk menjadi amicus curiae pada 20 April 2023 manakala permohonan oleh Persatuan Peguam Muslim Malaysia dibuat pada 4 Ogos 2023 dan oleh Badan Peguam Syarie Wilayah Persekutuan pada 7 Ogos 2023 iaitu kurang dua minggu dari tarikh pendengaran yang telah ditetapkan lebih awal.

Pejabat ini mengambil serius tindakan pihak-pihak tertentu yang mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan orang awam dan meminta orang ramai untuk lebih berhati-hati dalam berkongsi laporan atau *posting* yang tidak tepat di media sosial.

Sekian terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 11 Ogos 2023